

Dr. Mahathir sambut ulang tahun ke-20

jadi PM

UM 17 JUL 2001

KUALA LUMPUR 16 Julai
— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyambut ulang tahun ke-20 menjadi Perdana Menteri hari ini, dengan mempengerusikan mesyuarat pramajlis persidangan Parlimen penggal ketiga.

Mesyuarat yang bermula kira-kira pukul 8.30 pagi di Parlimen itu dihadiri oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional dan Ahli-ahli Dewan Negara.

Selepas mesyuarat tersebut, Kelab Penyokong Kerajaan menghadiahkan pulut kuning kepada Dr. Mahathir sebagai memperingati hari bersejarah ini.

Majlis ringkas itu disusuli dengan bacaan doa selamat diketuai Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Othman.

Perdana Menteri kemudiannya, memotong pulut kuning diiringi dengan tepukan gemuruh para hadirin, termasuk menteri-menteri kabinet.

Dr. Mahathir dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia keempat pada 16 Julai 1981, menggantikan Allahyarham Tun Hussein Onn.

Terdahulu dalam mesyuarat pra-persidangan Parlimen itu, Dr. Mahathir menerangkan kesan ekonomi Amerika Syarikat yang lembap terhadap ekonomi negara ini.

Malaysia, ujar Dr. Mahathir, tidak terjejas teruk kerana asas ekonomi negara yang kukuh dan mampu mengekang sebarang kemungkinan.